

Usahasama dgn syarikat Jepun FIMA akan diri kilang timah \$60 juta

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kumpulan FIMA akan menubuhkan kilang menyadur timah berharga \$60 juta secara usahasama dengan dua syarikat Jepun — Kawasho dan Mitsu — tahun depan.

Kilang tersebut, yang pertama di negara ini, akan dibina di Pasir Gudang, Johor mulai 1 Januari tahun depan dan dijangka siap Ogos 1981.

Demikian diumumkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merangkap Pengerusi FIMA ketika bercakap kepada para pemberita selepas pengurusan mesyuarat tahunan pemegang-pemegang saham Kumpulan FIMA di sini hari ini.

Sebuah syarikat — Malaysian Tin Plate Corporation — yang dipengerusikan oleh Datuk Jamil Jan telah ditubuhkan bagi mengendalikan kilang tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, dua syarikat Jepun itu memegang 34 peratus daripada jumlah saham dan bakinya dipegang oleh FIMA, MMC, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan beberapa syarikat perusahaan enas tempatan.

Menurut beliau, penubuhan kilang tersebut adalah antara beberapa projek baru FIMA, termasuk penubuhan sebuah kilang memproses minyak kelapa sawit berharga \$98 juta di Perak dan membuka ladang menanam koko seluas 5,000 ekar di Sandakan, Sabah.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kebelakangan ini banyak firma asing ingin mengadakan usahasama dengan FIMA dalam berbagai projek.

Sementara itu, mengenai kemajuan FIMA sepanjang tahun lalu, beliau memberitahu, kumpulan

FIMA mendapat keuntungan berjumlah \$2,137,555 dari perniagaannya.

Menurutnya, keuntungan bersih selepas ditolak cukai ialah \$1,017,002 berbanding dengan \$1,600,306 dalam tahun 1978. Ini disebabkan pendapatan dari pelaburan telah berkurangan sedangkan beban faedah atas pinjaman meningkat, kata beliau.

Katanya, perolehan dari pelaburan \$468,000 adalah 45 peratus kurang dari angka tahun lalu.

Jelasnya, keuntungan kumpulan FIMA terjejas teruk kerana terpaksa terus-menerus bergantung kepada pinjaman bagi membiayai projek-projek ladang yang memakan masa.

Menurutnya, jumlah faedah atas pinjaman meningkat 40 peratus dari angka tahun lalu kepada \$1,482,797 atau 0.5 peratus dari ekuiti sekarang.

Katanya, tahun lalu jumlah pinjaman meningkat kepada \$29,911,035 sedangkan ekuiti syarikat ialah \$26,570,703.

Dalam kajian pertengahan penggal Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah meluluskan pelaburan tambahan \$25 juta sebagai saham bagi projek-projek baru FIMA, jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia